



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENCARIAN MALAYSIA TECHLYMPICS 2022 PERINGKAT ZON TIMUR

TERENGGANU, 17 Oktober 2022 - Malaysia Techlympics 2022, sebuah inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kini dipertandingkan di peringkat zon bagi mencari peserta atau Techlympians yang bakal mara ke peringkat seterusnya bagi merebut hadiah-hadiah bernilai sehingga RM500,000.00.

Malaysia Techlympics 2022 Zon Timur merupakan peringkat zon keenam dan terakhir dijalankan selepas Zon Utara, Zon Malaysia Timur Sabah, Zon Tengah, Zon Malaysia Timur Sarawak dan Zon Selatan.

Timbalan Menteri MOSTI, YB. Datuk Hj. Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim, telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Malaysia Techlympics Zon Timur, Terengganu, di Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu di sini hari ini.

Menurut beliau, semangat yang ditunjukkan oleh para Techlympians, MOSTI yakin bahawa Malaysia mampu melahirkan generasi yang celik sains teknologi dan inovasi (STI) dan para inovator muda yang berkebolehan untuk menghasilkan solusi, aplikasi dan produk berteknologi untuk masyarakat dan kelestarian negara.

“Malaysian Techlympics penting kerana mampu meningkatkan lagi daya saing dan daya tahan negara melalui penyertaan inklusif dalam pertumbuhan ekonomi baharu, penerimangunaan teknologi termaju, membina bakat *changemaker* serta menyokong transformasi Malaysia sebagai negara berinovatif berasaskan teknologi tinggi terutama dalam kalangan anak-anak di Malaysia Timur ini sendiri,” katanya.

Malaysia Techlympics 2022 dibahagikan kepada enam (6) zon iaitu:

ZON	TARIKH PELAKSANAAN
Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak)	12 dan 13 September 2022
Malaysia Timur Sabah dan Labuan	23 dan 24 September 2022
Tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)	27 dan 28 September 2022
Malaysia Timur Sarawak	6 Oktober 2022
Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor)	11 Oktober 2022
Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)	17 Oktober 2022

Malaysia Techlympics 2022 dilaksanakan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) sebuah agensi MOSTI dan disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi. Inisiatif ini mensasarkan satu (1) juta penyertaan daripada para pelajar dan 2,000 idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Sehingga kini, seramai **1.029 juta** Keluarga Malaysia yang berusia di antara tujuh (7) hingga 30 tahun telah mendaftar untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan dan sesi perkongsian STI yang diadakan sejak April hingga November 2022.

Bertemakan ‘Berhubung, Bersaing, Berjaya’, Malaysia Techlympic dirangka supaya bersifat inklusif agar lebih ramai golongan sasar mendapat peluang untuk turut terlibat menghasilkan produk inovasi menggunakan pendekatan tidak formal, sekali gus merancakkan lagi aktiviti STI negara melalui pembelajaran *experiential*. Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha MOSTI untuk memastikan lebih ramai Keluarga Malaysia khususnya golongan pelajar dan belia untuk menjadikan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) sebagai pilihan kerjaya masa hadapan dan seterusnya mengaplikasi pengetahuan tersebut dalam kehidupan harian.

MOSTI telah menyusun sebanyak 25 pertandingan di bawah lima (5) kategori utama yang tertumpu kepada bidang-bidang yang membabitkan kejuruteraan, pengkomputeran dan mikro-komputer, nano, Internet benda (IoT), robotik, dron, sains, matematik, reka bentuk kreatif dan animasi serta percetakan dan pembangunan 3D.

Techlympians yang berjaya di peringkat zon akan mara untuk bersaing di peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 12 hingga 13 November akan datang.

Untuk maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics 2022, Keluarga Malaysia dijemput untuk melayari laman web rasmi www.techlympics.my.

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
17 OKTOBER 2022**